

UNISSA anjur Retreat Tahunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Retreat Tahunan pada 12 September lalu, di bawah anjuran Pejabat Perancang dan Pembangunan Strategik (PPPS) melalui Unit Pelan Strategik bagi menilai tahap pencapaian Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) UNISSA.

Sebanyak 78 KPI dibentangkan di majlis tersebut, berlangsung di salah sebuah hotel, di negara ini.

Majlis dihadiri oleh Pegawai-pegawai Utama UNISSA, terdiri daripada Dekan-dekan Fakulti, Pengarah-pengarah Pusat, dan Ketua-ketua Unit.

Pelan Strategik UNISSA (2019 - 2023) merupakan pelan jangka masa lima tahun, yang menetapkan hala tuju perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan untuk mencapai visi, untuk menjadi hab pengajian tinggi Islam di Asia juga misi UNISSA untuk melahirkan pemimpin bertakwa dan berwibawa yang menyumbang kepada pembangunan ummah



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

melalui kecemerlangan akademik, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Pelan ini, didukung oleh empat teras utama, iaitu Kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran; Kecemerlangan

penyelidikan dan penerbitan; Pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa; juga Prasarana dan urus tadbir yang mampan.

Kesemua 78 KPI yang dibentuk tersebut, dibentangkan

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (depan, enam, kiri) semasa bergambar ramai pada Majlis Retreat Tahunan UNISSA bagi menilai tahap pencapaian Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) UNISSA.

terima kasih kepada semua yang menjayakan Retreat Tahunan berkenaan, termasuk peserta yang banyak memberikan sumbangan idea hingga terbentuknya rumusan yang menjadi rujukan untuk membaiki juga peningkatan perkhidmatan dan kualiti pengajaran juga pembelajaran di UNISSA.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil - sijil kepada semua peserta.

oleh Ketua dan Peneraju KPI dalam tiga sesi berasingan.

Pada akhir majlis, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, menzahirkan penghargaan dan

Banci Majikan / Pekerja Tahun 2020 akan dilaksanakan

Siaran Akhbar : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 18 September. - Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan Banci Tahunan Majikan / Pekerja, Gaji, Pendapatan dan Jam Bekerja bagi Tahun 2020, menggunakan kaedah DALAM TALIAN, melalui BRUNEI REPORTING SYSTEM (BRS), di laman sesawang www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx.

Sehubungan itu, jabatan tersebut ingin memohon kerjasama semua Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-badan Berkanun di Sektor Swasta, yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam, sama ada yang mempunyai Lesen Pekerja Asing (LPA) ataupun yang hanya menggaji tenaga kerja, terdiri daripada anak-anak tempatan (tiada pekerja asing), yang masih berkhidmat sehingga / pada 30 Oktober 2020, supaya akan dapat memberikan / melengkapkan maklumat-maklumat para pekerja (tempatan dan asing), termasuk majikan / pemilik / pengurus, di bawah tanggungan Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-badan Berkanun berkenaan ke dalam Borang Banci yang disediakan, di laman sesawang www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx.

Walau bagaimanapun, Perkhidmatan Rumah Tangga / Persendirian adalah dikesualikan daripada melengkapkan maklumat banci berkenaan.

Maklumat banci berkenaan, bolehlah dilengkapkan melalui kaedah dalam talian, di laman sesawang www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx dengan menggunakan nama pendaftaran (*username*) majikan / pemilik / pengurus yang diperoleh melalui pendaftaran E_Darussalam.

Tatacara melengkapkan maklumat banci juga boleh dimuat turun dari laman sesawang www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx atau www.labour.gov.bn.

Maklumat banci yang dilengkapkan hanya akan dapat diterima melalui kaedah dalam talian, di laman sesawang www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx, mulai 31 Oktober 2020 dan tarikh akhir penerimaan maklumat banci ialah pada 30 November 2020.

Pihak majikan / pemilik / pengurus adalah disarankan dan dipohonkan untuk sebolehnya melengkapkan maklumat banci Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-badan Berkanun sendiri.

Ini adalah bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat sulit banci oleh pihak ketiga yang diamanahkan untuk melengkapkan maklumat banci mereka.

Resit Penyata Banci Majikan / Pekerja 2019 yang dikeluarkan bagi Banci Tahunan Majikan / Pekerja 2019 adalah dimansuhkan dan tidak dapat digunakan lagi, mulai 31 Oktober 2020.

Banci Tahunan Majikan / Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam-jam Bekerja adalah mengikut Peruntukan Akta Maklumat Pekerjaan 1974, Penggal 99 di bawah Seksyen 3(1).

Menurut Seksyen 8(1) dalam Akta berkenaan, mana-mana majikan yang a) sengaja menolak atau mengabaikan untuk memberikan butir-butir alau maklumat yang diperlukan dalam masa yang dibenarkan atau b) dengan sengaja memberi atau butir-butir atau maklumat palsu atau c) enggan menjawab atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu dalam soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa maklumat atau butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak BND2,500 dan penjara enam bulan dan jika berterusan denda sebanyak BND50 sehari akan dikenakan.

Untuk mendapatkan penerangan lanjut, sila rujuk ke Kaunter Perkhidmatan Kajian dan Perangkaan, Ruang Legar, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 25

DBP anjur pelbagai aktiviti berfaedah



SALAH seorang Pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka menerangkan tentang cara-cara membuat kreativiti *paper bag*.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Nazrie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 16 September. - Cuti persekolahan hanya berbaki beberapa hari sahaja lagi, dengan adanya masa terluang pada musim cuti persekolahan ini, inilah peluang untuk para ibu bapa mengisi pelbagai aktiviti yang berfaedah bersama anak-anak.

Kita sedia maklum, bahawa musim cuti persekolahan adalah masa yang ditunggu-tunggu oleh setiap insan yang bergelar pelajar, bahkan para guru.

Ia adalah ibarat masa yang paling sesuai untuk menghilangkan tekanan dan rasa penat daripada kesibukan mereka dalam menjalani alam persekolahan sehari-hari.

Malah, para ibu bapa turut sama menantikan musim cuti persekolahan ini untuk merehatkan diri dan meluangkan masa bersama anak-anak agar menggunakan masa lapang dengan bijak semasa cuti persekolahan ini.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan membuat tinjauan ke Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB) di ibu negara, di mana diadakan Aktiviti Kreativiti Paper

Bag dan Mini Notebook.

Setiap peserta diberikan *paper bag* bagi mengikuti aktiviti tersebut dengan mengaplikasikan kreativiti mereka.

Menurut Pemangku Ketua Unit Sirkulasi, Penolong Pegawai Perpustakaan I, Awang Muhammad Hadiyattullah bin Haji Yahya semasa ditemu bual, menjelaskan, terdapat cabaran dalam mengadakan aktiviti, khususnya semasa negara sedang berusaha untuk mengelakkan penularan wabak COVID-19.

Tambahnya, sambutan daripada para ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke perpustakaan bagi mengikuti aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah sangat menggalakkan, pihak perpustakaan turut mengambil langkah - langkah pencegahan wabak COVID-19 selaras dengan Standard Operation Procedure (SOP) yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga memastikan para pengunjung yang hadir untuk mengimbas Kod QR dan menulis nama, memeriksa



PEMANGKU Ketua Unit Sirkulasi, Penolong Pegawai Perpustakaan I, Awang Muhammad Hadiyattullah bin Haji Yahya semasa ditemu bual.

suhu badan juga menyediakan pensanitasi tangan ketika memasuki perpustakaan.

"Pelbagai program dirancang oleh pihak perpustakaan bagi memberikan pilihan dan menggalakkan para ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke perpustakaan mengikuti aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan daya kreativiti pembelajaran yang melibatkan pelbagai peringkat umur.

"Aktiviti seumpama ini juga akan dilartakan semasa cuti sekolah bulan Disember, di samping itu, pihak perpustakaan juga akan menyertai aktiviti Bandarku Ceria. Selain itu, pihak perpustakaan juga menganjurkan Kelas Muzik yang dihadiri lebih daripada 10 peserta," jelasnya.

Para ibu bapa juga dapat membawa anak-anak mereka ke perpustakaan di seluruh daerah bagi mengisikan masa lapang mereka dengan perkara-perkara yang berfaedah melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh pihak perpustakaan atau membaca pelbagai bahan buku yang ada dalam koleksi perpustakaan, terangnya lagi.